

22 APR 1999

FMM-REAKSI

FMM: LONJAKAN PERTUMBUHAN KDNK KEPADA 5 PERATUS TAHUN DEPAN BOLEH DICAPAI

Oleh: MOHD RIZAL RAZALLI

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Lonjakan pertumbuhan ekonomi daripada satu peratus tahun ini kepada lima peratus tahun depan boleh dicapai jika permintaan tempatan mula berkembang semula, kata Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM).

Presiden FMM Datuk Paul Low yakin permintaan tempatan kini semakin meningkat dan akan dapat dipertahankan.

Low berkata demikian ketika mengulas unjuran kerajaan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar dijangka berkembang sebanyak lima peratus pada tahun 2000 daripada satu peratus tahun ini, seperti yang diumumkan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Pekilang-pekilang tempatan mempunyai peranan penting untuk dimainkan di sini, iaitu melipat gandakan usaha bagi meningkatkan daya pengeluaran bagi memenuhi permintaan tempatan dengan mencukupi," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Menyentuh tentang sektor pembuatan yang diunjurkan berkembang sebanyak purata 3.9 peratus dalam tempoh 1999-2000, beliau berkata ini boleh diterima kerana sektor ini telah mengalami pertumbuhan negatif dalam dua tahun lalu.

"Apa yang perlu dilakukan oleh pekilang-pekilang kita sekarang ialah membuat penyusunan semula," saran beliau.

Penyusunan semula ini, katanya, adalah untuk mereka beralih perlahan-lahan daripada perniagaan tradisional mereka kepada usaha mengeluarkan barangan nilai ditambah yang lebih tinggi.

"Bagi mereka yang telahpun berbuat demikian, objektif mereka selanjutnya ialah meningkatkan produktiviti dan daya saingan dalam pasaran yang lebih terbuka," tambah beliau.

Low juga menasihatkan pekilang-pekilang supaya memberikan lebih tumpuan kepada perniagaan teras mereka dan mengeneipkan perniagaan yang memberi pulangan sedikit ataupun tiada pulangan langsung.

Dalam suasana sumber yang terhad, katanya pekilang-pekilang perlu memastikan bahawa sumber-sumber yang mereka gunakan untuk pengeluaran akan menghasilkan nilai yang lebih.

"Hanya dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sahaja ekonomi bidangan dapat dicapai," tegas beliau.

Beliau juga menyokong seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada industri kecil dan sederhana (IKS) supaya bergabung atau menyatukan kegiatan mereka bagi mencapai ekonomi bidangan, mempelbagaikan pasaran mereka dan menembusi pasaran global.

"Sebahagian besar IKS mungkin tidak mempunyai teknologi yang mencukupi, pengurusan yang benar-benar kukuh dan tenaga manusia yang tinggi kemahirannya. Dalam beberapa hal, mereka terlalu bergantung kepada pasaran tempatan," tambah beliau.

Untuk mencapai kejayaan, katanya IKS perlu meningkatkan taraf pengurusan dan kemahiran sumber manusia mereka bagi mencapai pengeluaran yang lebih besar pada kos yang berdaya saing.

Tentang pelaburan sebenar dalam sektor pembuatan yang berjumlah purata RM17.820 bilion setahun dalam tempoh 1996-1998, iaitu kurang daripada pelaburan tahunan RM22 bilion yang disasarkan, seperti yang digariskan dalam kajian separuh penggal tersebut, Low berkata ia bukanlah soal berapa banyak, tetapi yang lebih penting ialah kualiti pelaburan tersebut.

"Isu utama ialah kualiti pelaburan. Jika kita melabur dalam rangkaian

nilai ditambah, maka kita tidak terlalu bimbang dengan sedikit penyusutan dalam sektor pelaburan," tegasnya.

Low juga berkata pertumbuhan sektor pembuatan selepas tahun 2000 akan ditentukan oleh Peroduktiviti Faktor ketiga iaitu "bekerja dengan bijak".

"Bekerja dengan bijak bererti pekilang-pekilang perlu lebih bijak dalam mengujud dan menghasilkan lebih banyak kekayaan dan pertumbuhan dengan sumber-sumber yang sama banyak atau kurang daripada itu," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

RIZ KY OS